

Bot asing RM216 juta dilupus

144 bot nelayan Vietnam ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan di perairan Pulau Bidong

Oleh Nazdy Harun

am@hmetro.com.my

Hm 17/8/2022 Ms: 9


Kuala Terengganu

BOT nelayan Vietnam yang dijadikan tukun tiruan di perairan Pulau Bidong. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

Sejak 2010 sehingga kini, 144 bot nelayan Vietnam yang dilucut hak oleh mahkamah bernilai kira-kira RM216 juta sudah ditenggelamkan sebagai tukun di sepanjang perairan Terengganu oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) negeri ini.

Terkini, APMM Terengganu melupuskan dua lagi bot nelayan Vietnam secara menenggelamkannya untuk dijadikan tukun tiruan di perairan Pulau Bidong semalam.

Pengarahnya, Kapten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, pelupusan dua bot terbabit sebagai tukun tiruan adalah sumbangan APMM negeri kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi aktiviti penyelidikan kajian akademik di Stesen Penye-



lidikan Alami Marin UMT, Pulau Bidong.

Menurutnya, kedua-dua bot terbabit sudah dilucut hak oleh mahkamah sepanjang 2021 atas kesalahan menceroboh dan menangkap ikan di perairan

negara.

"Bot berkenaan ditahan pada Op Naga Barat dan Op Kuda Laut yang dilaksanakan sepanjang 2021 oleh Kapal Maritim (KM) Nusa.

"Ini adalah pelupusan kesembilan pada tahun ini

oleh APMM Terengganu. Kami jangka 40 bot lagi bakal ditenggelamkan selepas mendapat pelucutan hak daripada mahkamah pada tahun ini," katanya pada sidang media di KM Bagahak di sini, semalam.

Menurut Muhammad Suffi, kaedah penenggelaman sebagai tukun tiruan adalah inisiatif dalam memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin serta simbolik kepada kesungguhan APMM dalam mengekang

pencerobohan nelayan asing ke perairan negara.

"Hari ini (semalam) adalah pelupusan siri kelima bagi 2022 membabitkan 17 bot nelayan asing Vietnam oleh APMM Terengganu," katanya.